KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	05.04.22	MUKA SURAT	:	38
JABATAN	:	TNB			

Anak syarikat TNB muktamad beli aset tenaga angin di UK

Vantage RE Ltd (Vantage RE), anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Bhd (TNB), menyelesaikan pengambilalihan 100 peratus kepentingan dalam portfolio tenaga angin atas darat 97.3 megawatt (MW) di United Kingdom (UK).

Pembelian dibuat daripada sejumlah dana yang dinasihati Capital Dynamics, firma pengurusan aset global bebas yang juga antara peneraju pelabur tenaga bersih dunia dengan pertimbangan bernilai £145.9 juta (RM808.5 juta).

Syarikat utiliti nasional itu dalam kenyataannya berkata, pengambilalihan berkenaan yang dibuat selepas langkah sulung memasuki pasaran tenaga angin di UK pada Oktober tahun lalu, menandakan satu lagi pencapaian penting strategi TNB untuk mengembangkan portfolio tenaga boleh baharu (RE) global, sambil mengukuhkan kewujudannya dalam pasaran tumpuan.

"Portfolio terbaru ini merangkumi ladang angin atas darat yang beroperasi di 11 tapak di UK, dibangunkan di bawah skim subsidi *Renewable Obligation Certificate* (ROC) dan *Feed-in Tariff* (FiT), sekali gus dijangka memberikan pulangan stabil dalam jangka panjang.

"Apabila proses pengambilalihan selesai, Vantage RE bakal meningkatkan kapasiti RE sebanyak 23 peratus daripada 433MW kepada 530MW. Malah, penambahan kapasiti angin daratan ini mempelbagaikan kombinasi teknologi RE Vantage RE yang turut meningkatkan keseimbangan profil portfolio penjanaan tenaga elektriknya sepanjang tahun," katanya.

> TNB berkeyakinan penuh terhadap tanggungjawab semula jadi ke arah dunia lebih baik dan kehidupan lebih sejahtera berlandaskan aspirasi TNB menuju pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050



Ir Baharin Din, *Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB*

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din, berkata pengambilalihan itu menandakan kejayaan berterusan TNB dalam pelaksanaan strategi mengembangkan portfolio di pasaran tumpuan seperti UK dan Eropah, sambil mempercepatkan perjalanan memenuhi visi global alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Katanya, TNB berkeyakinan penuh terhadap tanggungjawab semula jadi ke arah dunia lebih baik dan kehidupan lebih sejahtera berlandaskan aspirasi TNB menuju pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.

"Hala Tuju Kelestarian TNB ini didukung komitmen kami untuk mengurangkan 35 peratus intensiti pelepasan karbon serta 50 peratus daripada kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035.

"Pembangunan keupayaan dalaman secara berterusan adalah penting dalam merebut peluang pasaran angin dalam pesisir peringkat global dan meningkatkan nilai melalui kecemerlangan operasi.

"Dengan memperoleh portfolio ini, kami membina platform bagi meluaskan penguasaan teknologi angin dalam pesisir dan mengembangkan lagi keupayaan dalaman merentasi kumpulan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Vantage RE, Vian Davys, berkata pihaknya berbesar hati untuk mengumumkan pemerolehan baharu bagi portfolio angin dalam pesisir yang membolehkan mereka memperkasakan kegiatan mengurus dan mengendalikan turbin angin lebih besar di UK.